

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 6.4.2015

SOALAN :

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca-punca berlakunya pelbagai masalah sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan murid-murid sekolah. Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan setakat mana keberkesanannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat banyak faktor yang menimbulkan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan murid sekolah pada masa kini, antaranya;

- i. Pengaruh media massa dan sosial turut mendorong masalah ini semakin meningkat. Perbuatan negatif yang mereka saksikan telah mendorong rasa untuk mencuba tanpa menggunakan pemikiran yang matang. Tambahan pula kurang perhatian dan pengawasan ibubapa.
- ii. Pengaruh rakan sebaya juga menjadi pendorong kerana remaja pada masa sekarang lebih mesra dengan rakan mereka kerana ibu bapa sibuk dengan urusan kerja. Remaja sekarang lebih mempercayai rakan mereka daripada keluarga atau ibu bapa.

- iii. kurang didikan agama dan moral turut menjadi punca gejala sosial dalam kalangan remaja.

Bagi menangani masalah tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan langkah pencegahan melalui aktiviti kurikulum, kokurikulum dan pembangunan sahsiah seawal peringkat sekolah rendah dan berterusan hingga ke peringkat menengah. Selain penerapan nilai-nilai murni menerusi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah, murid-murid sering diperingatkan mengenai keburukan kegiatan antisosial menerusi perhimpunan sekolah.

Pihak sekolah turut mengadakan ceramah-ceramah khas bagi menangani masalah sosial dan jenayah dengan melibatkan kepakaran pihak luar termasuk pihak polis. Manakala perkhidmatan kaunseling di sekolah dilakukan secara lebih berfokus kepada permasalahan sosial murid. Di samping itu, hukuman berbentuk mendidik dan memberi pengajaran seperti rotan dan buang sekolah akan dikenakan sebagai usaha akhir pihak sekolah.

KPM juga mempunyai jalinan kerjasama dengan pihak luar sekolah untuk menangani masalah sosial dalam murid, di antaranya:

- i. Mewujudkan kerjasama erat dengan pihak PDRM khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut.

- ii. Melibatkan ibu bapa menerusi PIBG dan masyarakat dalam aktiviti di sekolah melalui pendekatan sarana ibu bapa.
- iii. Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah iaitu dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF).

RJM100